

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 20 MEI 2015

RUJUKAN : 7864

SOALAN:

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah saluran yang dianggap paling berkesan dalam penularan fahaman dan ideologi ISIS di kalangan rakyat Malaysia yang boleh menjebak mereka dalam isu militan dan keganasan dan bagaimanakah pihak berkuasa menangani masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan yang di-Pertua,

Berdasarkan pemantauan yang dibuat oleh pihak polis didapati media sosial sering digunakan sebagai medium oleh pengikut-pengikut kumpulan militan *Islamic State* (IS) dalam penyebaran fahaman dan merekrut ahli-ahli baru untuk menyertai kumpulan mereka. Penggunaan media sosial dilihat menepati keperluan semasa segenap lapisan masyarakat terutamanya golongan muda. Ini kerana medium berkenaan mudah diakses secara meluas, murah, sukar dikawal dan mudah untuk menyerapkan ideologi dan perjuangan IS ini kepada golongan berkenaan.

Sehubungan itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) akan mengenalpasti mana-mana media sosial yang terlibat dengan kegiatan kumpulan IS ini sama ada untuk menyebarkan fahaman, mengumpul dana atau merekrut ahli baru untuk diambil tindakan termasuk untuk “disekat” dari diakses oleh umum termasuklah oleh rakyat Malaysia yang masih berada di negara-negara konflik.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian juga telahpun menjalankan program-program penerangan seperti kempen “Belia Tolak Ekstremis” yang akan dijalankan ke seluruh negara, sesi bual bicara di televisyen dan rencana-rencana berhubung penerangan terhadap ancaman kumpulan militan IS ini yang di sasarkan kepada golongan muda.

Pada masa yang sama, Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedia maklum, Kerajaan telah pun menggubal Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 ataupun POTA di samping memperkasakan undang-undang sedia ada termasuklah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959. Kesemua Rang Undang-undang berkenaan telahpun diluluskan oleh Parlimen pada sesi mesyuarat yang lepas dan Kerajaan akanewartakan penguatkuasaannya dalam masa terdekat setelah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong.